

01/08/2000

3R rancangan untuk wanita

Teh Kean Kiat

PROGRAM terbaru khas buat wanita, 3R (Respect, Relax dan Respond) akan disiarkan di TV3, setiap Ahad, mulai 6 Ogos ini, jam 7 petang.

Penerbit dan pengarahnya, Lina Tan, berkata rancangan berinformasi khas untuk wanita berusia 20 hingga 25 tahun itu akan memberi tunjuk ajar pratikal bagi hidup berdikari, menjaga kesihatan dan keselamatan diri.

Katanya, rancangan selama 30 minit itu mengandungi lima segmen seperti isu minggu ini, temuramah dengan personaliti wanita, aktiviti, Teknologi Maklumat (IT) dan rahsia kesihatan.

"Antara isu semasa yang akan dibincangkan ialah gangguan seksual, kerjaya, hidup berdikari, cara mengendalikan kewangan dan mempertahankan diri.

"Rancangan ini memberi tumpuan bagi menggalakkan wanita menghormati diri, meluangkan masa untuk berehat serta bertindak balas terhadap pengaruh sekeliling," katanya.

Tan berkata, rancangan itu akan dipersembahkan 70 peratus dalam bahasa Malaysia dan 30 peratus bahasa Inggeris oleh tiga pengacara baru - Azah Yazmin Yusof, 25; Rafidah Abdullah, 25, dan Low Ngai Yuen, 24.

Selain itu, Tan berkata, penonton juga boleh mendapatkan maklumat tambahan daripada laman web www.3R.com.my dan berpeluang berkomunikasi dengan krew rancangan.

Tan berkata, penonton boleh menyaksikan siaran ulangan 3R di Astro Ria bermula 11 Ogos ini, jam 9 malam setiap Jumaat. Penerbit Eksekutif 3R ialah Datin Paduka Marina Mahathir.

(END)